Perkembangan Monetari dan Fiskal

66-71 Dasar Monetari pada Tahun 2004
67 *Rencana: Rangka Kerja Kadar Faedah Baru*
71-77 Perkembangan Monetari pada Tahun 2004
77-78 Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang
78-85 Dasar dan Operasi Fiskal

Perkembangan Monetari dan Fiskal

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2004

Berikutan penurunan kadar faedah pada bulan Mei 2003, Bank Negara Malaysia telah mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong momentum pertumbuhan pada tahun 2004. Khususnya, dasar monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta sementara Kerajaan mula mengukuhkan kedudukan kewangannya secara beransur-ansur. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia terus berwaspada terhadap tekanan inflasi. Penilaian yang dibuat pada beberapa ketika pada sepanjang tahun 2004 menunjukkan kadar inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) akan kekal di bawah kadar purata 1.5% bagi keseluruhan tahun 2004.

Dasar Monetari (MPS) Bank Negara Malaysia yang pertama bagi tahun 2004, iaitu pada bulan Februari, Bank Negara Malaysia telah menerangkan bahawa pengekalan persekitaran kadar faedah yang rendah adalah perlu untuk memperkukuh pengembangan yang diterajui sektor swasta, terutama memandangkan pemulihan dalam kitaran pelaburan masih di peringkat awal dan adalah perlu kepada dasar yang akomodatif ketika dalam proses mengukuhkan kedudukan fiskal Kerajaan.

Pada bulan-bulan berikutnya, perkembangan dalam ekonomi negara-negara perindustrian utama dan negara serantau mengesahkan ekonomi global semakin kukuh pada suku pertama tahun 2004.

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong momentum pertumbuhan dalam persekitaran tekanan inflasi yang rendah

Asas makroekonomi yang menyediakan landasan bagi pertumbuhan aktiviti ekonomi pada tahun 2003 bertambah kukuh dan menyokong pengembangan ekonomi yang lebih pesat pada tahun 2004. Khususnya, kedudukan kewangan sektor korporat, sektor isi rumah dan sektor perbankan yang mantap menjadi pendorong dalam memastikan keberkesanan dasar monetari yang akomodatif. Secara keseluruhan, berdasarkan perkembangan ekonomi di dalam dan di luar negara, Bank Negara Malaysia mengambil keputusan untuk tidak mengubah kadar faedah pada tahun 2004 dengan objektif dasar tertumpu pada pencapaian pertumbuhan jangka panjang yang mapan seiring dengan kestabilan harga.

Pada awal tahun 2004, prospek ekonomi Malaysia bertambah baik dengan nyata. Pemulihan yang ketara dalam ekonomi global yang telah bermula semenjak pertengahan tahun 2003 memberi kesan positif terhadap ekonomi Malaysia. Dari segi permintaan dalam negeri, penunjuk penggunaan dan pelaburan mempamerkan trend yang meningkat, disokong oleh sentimen pengguna dan perniagaan yang bertambah baik. Peniaga-peniaga mendapat manfaat daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan di bawah Pakej Ekonomi tahun 2003. Di samping itu, pelbagai usaha oleh Bank Negara Malaysia untuk memperkukuh infrastruktur pembiayaan PKS telah menghasilkan saluran yang penting bagi peningkatan dalam pembiayaan kepada sektor tersebut. Pada siaran Pernyataan

Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang mungkin menyebabkan penyederhanaan dalam pertumbuhan global juga telah muncul. Peningkatan harga minyak mentah berpotensi melemahkan pertumbuhan negara-negara rakan dagangan utama Malaysia. Pada masa yang sama, pertumbuhan RR China berpotensi menjadi lebih perlahan, berikutan langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa di negara itu untuk menghalang ekonomi daripada tumbuh melebihi paras potensi keluaran. Terdapat juga jangkaan yang lebih tinggi, terutamanya pada bulan Mei, bahawa kadar faedah di AS pasti akan meningkat. Dengan kemunculan ancaman deflasi di AS pada tahun 2003, *Federal Reserve* telah menurunkan kadar faedah dengan ketara. Sementara itu, kadar faedah dalam negeri yang tidak berubah menyebabkan kebezaan kadar faedah yang positif berpihak kepada Malaysia. Kebezaan kadar faedah yang positif ini serta asas ekonomi yang kukuh memberi fleksibiliti dalam menentukan kadar faedah dalam negeri berdasarkan suasana dalam negeri dan pada ketika yang sama, konsisten dengan dasar kadar pertukaran.

Keadaan yang semakin stabil dan asas ekonomi yang semakin kukuh pada permulaan tahun 2004 membolehkan Bank Negara Malaysia mengambil peluang untuk memperkenalkan rangka kerja kadar faedah yang baru pada bulan April. Di bawah rangka kerja baru ini, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai

Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Satu perkembangan penting pada tahun 2004 ialah pelaksanaan rangka kerja kadar faedah baru pada 26 April 2004. Rangka kerja baru ini memperkenalkan kadar dasar yang baru dan pembaikan terhadap pengendalian operasi monetari serta menghapuskan kadar bumbung bagi kadar pemberian pinjaman asas (BLR) dan spread pemberian pinjaman yang ditetapkan. Kini, institusi perbankan boleh menetapkan BLR masing-masing berdasarkan struktur kos dan strategi perniagaan mereka. Perubahan yang diperkenalkan bertujuan meningkatkan keberkesanan dasar monetari dengan memudahkan penghantaran pergerakan dalam kadar dasar kepada kadar pasaran yang lain dan akhirnya, kepada penunjuk makroekonomi utama. Rangka kerja baru ini juga berfungsi sebagai pemangkin untuk penetapan harga produk kewangan dan perkhidmatan yang cekap oleh institusi perbankan. Penyahkawalseliaan penetapan harga merupakan inisiatif utama dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) bagi memastikan tahap kecekapan yang lebih tinggi dalam peruntukan dan pengagihan sumber dalam sektor kewangan.

Peralihan kepada rangka kerja kadar faedah baru adalah tepat pada masanya berikutan asas makroekonomi yang menggalakkan dan infrastruktur kewangan yang lebih maju, yang disokong oleh sistem perbankan yang kukuh serta rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang mantap. Faktor-faktor ini diperteguh oleh rangka kerja perlindungan pengguna yang terus dipertingkatkan.

Perubahan Pelaksanaan dan Komunikasi Dasar Monetari


Bagi memberi isyarat yang lebih berkesan dan meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran monetari, Bank Negara Malaysia memilih kadar dasar yang berhubung rapat dengan kadar faedah lain. Bank juga membuat penambahbaikan kepada prosedur operasi monetari. Di bawah rangka kerja kadar faedah baru, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk kepada teras dasar monetari. Pada asasnya, OPR merupakan sasaran bagi kadar antara bank semalaman purata (AOIR). Di samping itu, AOIR berfungsi sebagai sasaran utama dalam operasi mudah tunai harian Bank Negara Malaysia. Kadar antara bank semalaman dipilih sebagai kadar dasar kerana kandungan jangkaan yang sedikit dan amat mudah dikawal.

Operasi mudah tunai pada tempoh matang selain daripada tempoh matang semalaman dilaksanakan tanpa mensasarkan kepada sebarang paras kadar faedah tertentu. Oleh itu, kadar faedah antara bank bagi tempoh matang yang lain ditentukan oleh pasaran. Bagi mencerminkan teras dasar monetari yang tidak berubah ketika pelaksanaan rangka kerja baru, OPR telah ditetapkan pada paras semasa AOIR, iaitu 2.70%. Pada tempoh 26 April – 31 Disember 2004, AOIR bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65 –2.74%, dengan purata keseluruhan pada 2.70%.

Bagi mengelakkan volatiliti AOIR yang berlebihan, Bank Negara Malaysia telah menetapkan koridor kadar faedah dan memperkenalkan kemudahan tersedia. Pada asasnya, kadar pasaran dibenarkan bergerak dalam koridor ± 25 mata asas melingkungi OPR. Kadar bumbung dan kadar lantai koridor merupakan kadar yang pihak Bank Negara Malaysia bersedia untuk memberikan pinjaman kepada atau meminjam daripada pasaran bagi mengawal keadaan apabila terdapat baki kekurangan atau lebihan mudah tunai semalaman.

Dalam mengurus mudah tunai, Bank mula menggunakan operasi pasaran terbuka secara repo di samping pinjaman langsung dalam mengendalikan urus niaga dalam pasaran wang. Sebelum ini operasi pasaran terbuka tidak dapat dilaksanakan berikutan kekurangan sekuriti yang sesuai. Keadaan ini dapat diatasi sebahagiannya dengan memperkenalkan Program Penjagaan Sekuriti untuk Pelabur-pelabur Institusi (ISCAP) pada penghujung tahun 2004. Melalui ISCAP, Bank Negara Malaysia akan meminjam sekuriti, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) daripada pelabur institusi utama seperti dana pencen dan syarikat insurans untuk melaksanakan operasi repo.

Graf 1
Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman 26 April - 31 Disember 2004



Satu aspek penting bagi meningkatkan mekanisme penghantaran monetari di bawah rangka kerja kadar faedah baru ini ialah komunikasi mengenai dasar monetari. Teras dasar Bank Negara Malaysia menjadi lebih telus dengan adanya kadar sasaran dasar dan kadar sasaran operasi yang jelas serta pengumuman keputusan dasar monetari melalui Pernyataan Dasar Monetari (MPS). Pengumuman keputusan dasar monetari secara berstruktur dan telus mengurangkan ketidakpastian mengenai teras dan haluan dasar monetari di kalangan peserta pasaran. Sebarang perubahan berhubung OPR akan diumumkan melalui MPS. MPS diterbitkan mengikut jadual yang telah ditetapkan pada setiap suku tahunan dan diumumkan serentak dengan pengumuman prestasi KDNK. Jika terdapat perubahan dalam teras dasar monetari antara dua tarikh yang ditetapkan itu, MPS tambahan akan diterbitkan.

Kesan Rangka Kerja Kadar Faedah Baru

Pengenalan rangka kerja kadar faedah baru melibatkan perubahan terhadap sistem pelaksanaan dasar monetari. Walau bagaimanapun, teras dasar monetari tidak berubah. Pengenalan rangka kerja baru ini tidak akan menyebabkan perubahan ke atas kos dana institusi perbankan. Dengan itu, secara amnya, tiada perubahan yang ketara dijangka berlaku ke atas paras kadar faedah.

Kadar Pemberian Pinjaman dan Pembiayaan

Di bawah rangka kerja baru, kadar pinjaman maksimum yang ditawarkan oleh institusi perbankan tidak tertakluk kepada formula BLR. Spread pemberian pinjaman maksimum BLR sebanyak 2.5 mata peratusan juga dihapuskan. Sebaliknya, BLR setiap institusi perbankan ditentukan berdasarkan struktur kos dan strategi pinjamannya serta tahap persaingan dalam industri.

Pada akhir tahun 2004, purata BLR bank perdagangan secara relatifnya stabil pada paras 5.98% (6.00% pada akhir tahun 2003) dengan penurunan BLR dibuat oleh sebuah institusi perbankan. Purata BLR syarikat kewangan kekal tidak berubah pada paras 6.90% setahun. Memandangkan teras dasar monetari tidak berubah, kebanyakan institusi perbankan dijangka tidak mengubah BLR untuk jangka pendek dan sederhana.

Dengan penghapusan kadar bumbung pemberian pinjaman, kadar pinjaman lebih berdasarkan pada profil risiko peminjam atau projek. Fleksibiliti yang dimiliki institusi perbankan bagi menentukan spread telah meningkatkan akses pembiayaan kepada peminjam yang sebelum ini menghadapi masalah mendapatkan dana. Pada masa ini, telah ada institusi perbankan yang memperkenalkan pakej pinjaman yang khusus untuk individu dan perusahaan perniagaan kecil.

PKS terus menikmati akses kepada pembiayaan di bawah rangka kerja kadar faedah baru, dengan meningkatnya permintaan untuk dana seperti yang dicerminkan oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi pada separuh tahun kedua. Pada tempoh yang sama, kelulusan dan pengeluaran pinjaman juga meningkat. Pada masa yang sama, kadar pemberian pinjaman untuk pembiayaan kepada sektor PKS secara purata kekal kompetitif. Pada separuh tahun kedua, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan kepada PKS oleh bank perdagangan ialah 6.37% setahun berbanding dengan 6.42% pada enam bulan pertama. Bagi sektor perusahaan perniagaan secara keseluruhan, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan pada separuh tahun kedua ialah 5.79% setahun berbanding dengan 5.89% pada enam bulan pertama tahun 2004. Bagi sektor yang berkaitan pengguna, kadar pemberian pinjaman purata bagi pinjaman baru yang diluluskan untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang oleh syarikat kewangan, masing-masing pada kadar 3.27% dan 6.74% pada separuh tahun kedua berbanding dengan 3.58% dan 6.82% pada enam bulan pertama.

Bank Negara Malaysia akan terus memantau kadar pemberian pinjaman yang dikenakan oleh institusi perbankan. Bagi memastikan penentuan kadar yang adil dan saksama, pelbagai langkah baru telah dilaksanakan untuk memelihara kepentingan pengguna. Langkah-langkah ini bertujuan meningkatkan ketelusan dan penzahiran produk, mengukuhkan infrastruktur pembelaan ke atas pengguna, di samping meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai (untuk penjelasan lanjut, sila rujuk **Pengurusan Sistem Perbankan** dalam Bab 5).

Kadar pemberian pinjaman yang ditetapkan untuk pembiayaan yang diperuntukkan melalui dana khas PKS yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia kekal tidak berubah. Had maksimum yang dikenakan ke atas kadar pemberian pinjaman perumahan yang disalurkan pada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana di bawah Garis Panduan Pinjaman kepada Sektor Keutamaan juga dikekalkan. Di samping itu, kadar pemberian pinjaman bagi pinjaman sewa beli masih tertakluk di bawah Akta Sewa Beli 1967 sementara kadar pemberian pinjaman bagi kad kredit tertakluk kepada kadar faedah maksimum sebanyak 18% setahun seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kad Kredit yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

Kadar Deposit

Dalam urutan liberalisasi kadar faedah, perbezaan telah dibuat antara urus niaga borong dengan runcit serta antara urus niaga pinjaman dengan deposit. Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur ini bertujuan memastikan supaya peralihan berjalan lancar dan pada masa yang sama, mengambil kira tahap kemajuan kewangan yang berbeza di kalangan peserta pasaran iaitu institusi kewangan, perusahaan perniagaan dan orang ramai.

Pendekatan yang diambil secara beransur-ansur bertujuan memastikan peralihan yang lancar di bawah rangka kerja kadar faedah baru supaya proses pengantaraan tidak terjejas. Satu lagi aspek penting ialah sebahagian besar penduduk terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana bergantung kepada simpanan dalam bentuk deposit bank. Oleh itu, kadar minimum ditetapkan bagi deposit kurang daripada RM1 juta bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan. Walaupun kadar deposit ditetapkan, Bank Negara Malaysia telah menyediakan persekitaran yang membolehkan institusi perbankan mempelbagaikan produk bagi memenuhi keperluan di kalangan penabung yang mempunyai profil risiko pulangan yang berbeza. Di samping itu, Bank Negara Malaysia telah berusaha meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai.

Jadual 2.1
Pernyataan Dasar Monetari pada tahun 2004

Pernyataan Dasar Monetari (MPS) yang telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2003, diterbitkan sebanyak empat kali pada tahun 2004 serentak dengan pengumuman prestasi KDNK suku tahunan pada bulan Februari, Mei, Ogos dan November. Setiap MPS yang diterbitkan menyatakan keputusan untuk tidak mengubah kadar dasar.

	Kadar Dasar	
Tarikh	Kadar Campur Tangan 3 bulan	Kadar Dasar Semalaman (OPR)[1]
25 Februari	4.50%	
26 Mei		2.70%
25 Ogos		2.70%
30 November		2.70%

1/ Rangka kerja kadar faedah baru telah berkuat kuasa pada 26 April 2004. OPR telah mengambil alih peranan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk kepada teras dasar monetari. Bagi mencerminkan teras dasar monetari yang tidak berubah, OPR ditetapkan pada kadar purata semalaman antara bank semasa, iaitu 2.70%. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada rencana **Rangka Kerja Kadar Faedah Baru.**

kadar dasar, sementara kadar antara bank semalaman dijadikan kadar sasaran dasar monetari. Bagi mencerminkan pendirian dasar monetari yang tidak berubah, OPR ditetapkan pada kadar antara bank semalaman pada masa itu sebanyak 2.70%. Rasional dan infrastruktur operasi rangka kerja kadar faedah yang baru ini terkandung dalam rencana **Rangka Kerja Kadar Faedah Baru**.

Pada bulan Mei, ekonomi dalam negeri bertambah kukuh dengan ketara. Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 7.8% pada suku pertama tahun 2004, berikutan pertumbuhan yang berterusan dalam pelaburan dan penggunaan swasta serta pertumbuhan eksport yang sangat memberangsangkan. Sektor luar negeri beroleh manfaat daripada kitaran elektronik global yang menaik, harga komoditi yang tinggi dan ketibaan pelancong yang meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih pesat ini dicapai dalam suasana inflasi yang rendah, dengan purata IHP meningkat sebanyak 1% pada empat bulan pertama. Kenaikan harga minyak mentah dianggar memberi kesan yang kecil ke atas inflasi kerana harga runcit produk petroleum dikawal melalui mekanisme harga automatik. Dari segi kapasiti pengeluaran, purata wajaran penggunaaan kapasiti dalam sektor perkilangan secara relatifnya kekal stabil pada tahap 82% pada suku pertama. Pengembangan kapasiti dapat dilihat dalam sektor yang mengalami pertumbuhan yang kukuh. Di samping itu, produktiviti pekerja seperti yang diukur oleh nilai jualan benar produk bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan meningkat 9%, melebihi peningkatan sebanyak 2.7% dalam upah benar bagi setiap pekerja. Berdasarkan perkembangan ini, kadar faedah dijangka kekal pada paras yang rendah bagi menyokong momentum pertumbuhan dalam persekitaran jurang output yang positif, yang masih wujud dalam ekonomi. Oleh itu, OPR kekal tidak berubah pada paras 2.70%.

Pada masa pengumuman prestasi KDNK suku kedua dan MPS yang ketiga pada bulan Ogos, pertumbuhan global pada separuh tahun pertama telah melebihi jangkaan. Pada ketika itu, kitaran monetari global adalah dalam fasa pengetatan didorong oleh kitaran pemulihan yang lebih kukuh daripada jangkaan dan harga komoditi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, penunjuk-penunjuk memperlihatkan tanda-tanda penyederhanaan dalam pertumbuhan global pada separuh tahun kedua, tetapi kebanyakan pendapat menyatakan bahawa kesan daripada harga minyak mentah yang tinggi dan kadar faedah yang meningkat adalah sederhana. Di Malaysia, KDNK pula mengembang sebanyak 8.2% pada suku kedua, dengan penggunaan isi rumah dan aktiviti pelaburan swasta bertambah kukuh, sementara sektor awam meneruskan konsolidasi fiskal. Pertumbuhan pada tahun 2004 kini dijangka melebihi unjuran yang dibuat sebelum ini, disokong oleh prestasi ekonomi yang kukuh pada separuh tahun pertama. Inflasi kekal rendah pada paras 1.2% pada suku kedua tahun 2004. Yang penting, inflasi teras, yang mencerminkan peningkatan harga disebabkan tekanan permintaan, juga berpurata kurang daripada 1% pada tempoh tersebut. Bagi tempoh Januari hingga Jun, kelulusan untuk pelaburan modal berjumlah RM7.2 bilion dan ini menyumbang kepada pengembangan kapasiti sektor elektronik dan barangan elektrik dan sektor-sektor yang lain seperti kimia dan keluaran kimia, dan kelengkapan pengangkutan, yang mempunyai kapasiti lebihan yang menurun ke tahap yang rendah. Yang penting, produktiviti buruh dalam sektor perkilangan terus melebihi pertumbuhan upah benar. Dengan prospek pertumbuhan dan inflasi kekal menggalakkan, pendirian dasar monetari kekal tidak berubah.

Pada penghujung tahun, penunjuk-penunjuk memperlihatkan aktiviti ekonomi global yang kekal mantap pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, pengembangan ekonomi AS dijangka menjadi sederhana sedikit pada suku keempat. Di samping itu, prospek ekonomi AS yang positif terjejas sedikit disebabkan kebimbangan mengenai defisit akaun semasa AS dan penyederhanaan dalam aliran masuk dana modal ke negara itu. Kebimbangan ini telah

menyebabkan susut nilai yang ketara dalam dolar AS. Di kalangan negara-negara serantau, pengembangan ekonomi yang lebih sederhana adalah jelas. Ini berikutan pertumbuhan eksport yang sederhana disebabkan terutamanya oleh kemerosotan secara beransur-ansur dalam kitaran elektronik global. Inflasi menunjukkan trend yang meningkat di kebanyakan negara serantau disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang tinggi. Sesetengah negara pula, telah meningkatkan kadar faedah untuk membendung tekanan inflasi.

Di dalam negeri, kadar pertumbuhan adalah mapan walaupun agak perlahan pada suku ketiga. Sejajar dengan trend yang lembap dalam kitaran elektronik global, pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan global yang semakin sederhana, prospek jangka pendek Malaysia masih menggalakkan. Kesan langsung daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi adalah positif bagi ekonomi Malaysia dalam jangka pendek dan menyumbang kepada lebihan dagangan serta hasil Kerajaan.

persendirian yang lebih tinggi berikutan kenaikan kali kedua harga runcit minyak pada bulan Oktober selepas kenaikan pertama pada bulan Mei. Walau bagaimanapun, kadar inflasi ini secara relatifnya masih rendah dalam sejarah. Inflasi teras kekal pada paras kurang daripada 1.5% pada bulan Oktober dan berpurata kurang daripada 1% bagi sepuluh bulan sehingga Oktober. Di samping itu, tidak terdapat tanda-tanda yang jelas tentang kesan susulan daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi.

MPS yang keempat untuk tahun 2004 telah diterbitkan pada bulan November. Penilaian yang dibuat menunjukkan hanya terdapat sedikit tanda bahawa tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan akan naik mendadak pada jangka sederhana, terutamanya berikutan jangkaan kadar pertumbuhan yang sederhana bagi tahun 2005. Tekanan inflasi juga dijangka terkawal berikutan kapasiti yang mencukupi dan dijangka meningkat pada tahun depan dengan aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Risiko tekanan inflasi dalam sektor harta tanah juga terbendung dengan penawaran rumah kediaman yang mencukupi

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta

Pada bulan-bulan terakhir tahun 2004, jangkaan bahawa mata wang di rantau Asia akan menghadapi penyelarasan bertambah, berikutan spekulasi penilaian semula mata wang RR China, iaitu yuan, dan susut nilai dolar AS yang berterusan. Peningkatan dalam aliran masuk dana portfolio bersih dicatat dari bulan September tetapi kemasukan dana ini terkawal dan tidak menyebabkan ketidakseimbangan dalam harga aset ataupun herotan dalam pengagihan sumber dalam sektor benar dan sektor kewangan. Tidak terdapat tekanan asas yang memerlukan kajian semula dibuat ke atas dasar kadar pertukaran (Sila lihat **Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang** untuk penerangan terperinci tentang kadar pertukaran ringgit). Bagi keseluruhan tahun 2004, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat disebabkan terutamanya oleh hasil dagangan dan sebahagiannya oleh aliran masuk modal bersih. Operasi monetari Bank Negara Malaysia, termasuk sterilisasi aliran masuk dana ini, bertujuan untuk mengekalkan tahap kadar faedah yang konsisten dengan keadaan dalam negeri. Kos operasi dasar monetari kekal terkawal pada tahun 2004.

Selepas mencatat purata 1.5% pada suku ketiga, inflasi meningkat kepada 2.1% pada bulan Oktober, mencerminkan kenaikan harga makanan dan cukai ke atas rokok dan tembakau, serta caj pengangkutan di samping harga purata dan sewa yang meningkat dengan perlahan. Sementara itu, pertumbuhan dalam bekalan wang secara luas, M3, kekal stabil secara relatifnya pada paras 10% bagi sebahagian besar tahun 2004 dan adalah konsisten dengan pertumbuhan pendapatan nominal. Unjuran awal menunjukkan IHP tidak akan melebihi 3% pada tahun 2005. Dasar monetari terus mempunyai fleksibiliti untuk menyokong pertumbuhan pada tahun 2005.

PERKEMBANGAN MONETARI PADA TAHUN 2004

Perkembangan monetari pada tahun 2004 mencerminkan dasar yang menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Walaupun pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana pada separuh tahun kedua, keadaan monetari terus menyokong aktiviti sektor swasta.

Semenjak peralihan ke Rangka Kerja Kadar Faedah Baru, kadar dasar semalaman (OPR) telah ditetapkan pada 2.70%. Dalam pasaran wang antara bank, kadar semalaman berpurata 2.70%, yang selaras dengan tahap OPR dan bergerak dalam julat yang kecil antara 2.65 – 2.74%.

Dengan kadar faedah dalam negeri kekal tidak berubah, perbezaan kadar faedah antara Malaysia


Jadual 2.2
Kadar Faedah dan Mudah Tunai

	2001	2002	2003	2004
	Pada akhir tempoh (%)			
Kadar Campur Tangan 3 bulan	5.0	5.0	4.5	-
Kadar Dasar Semalaman (OPR) [1]	-	-	-	2.70
Kadar faedah antara bank				
Semalaman	2.76	2.71	2.72	2.69
1 bulan	2.97	2.99	2.99	2.77
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)				
Bank perdagangan	6.39	6.39	6.00	5.98
Syarikat kewangan	7.45	7.45	6.90	6.90
Kadar purata pemberian pinjaman (ALR)				
Bank perdagangan	6.67	6.51	6.11	5.98
Syarikat kewangan	10.24	9.75	9.11	8.78
Kadar deposit tetap				
Bank perdagangan				
3 bulan	3.21	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.00	4.00	3.70	3.70
Syarikat kewangan				
3 bulan	3.22	3.20	3.00	3.00
12 bulan	4.01	4.00	3.68	3.70
Kadar deposit tabungan				
Bank perdagangan	2.28	2.12	1.86	1.58
Syarikat kewangan	2.94	2.65	2.18	1.98
	Purata pada tempoh (%)			
Perbezaan kadar faedah nominal				
Malaysia – Amerika Syarikat	-0.49	1.31	1.66	1.16
Malaysia – Singapura	1.31	2.23	2.27	1.93
	Pada akhir tempoh (RM bilion)			
Lebihan (+) / jurang (-) sumber	67.4	76.2	106.0	133.4
Lebihan (+) / jurang (-) sumber terlaras[2]	28.6	33.3	57.7	86.9
	Pada akhir tempoh (%)			
Nisbah pinjaman deposit	85.9	84.9	80.9	78.6
Nisbah pembiayaan deposit[2]	95.7	95.1	91.7	87.7

[1] OPR menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai kadar dasar BNM bermula 26 April 2004.
[2] Diselaraskan untuk merangkumi pemegangan Sekuriti Hutang Swasta.

dengan Amerika Syarikat mengecil, berikutan kenaikan kadar *Fed Fund* AS yang stabil sepanjang tahun 2004. Walaupun perbezaan kadar faedah mengecil, sektor luaran terus menyuntik mudah tunai ke dalam sistem perbankan. Aliran masuk ini mencerminkan terutamanya aliran jangka panjang, termasuk pembawaan pulang perolehan eksport berikutan prestasi perdagangan luar yang mantap. Aliran masuk dana portfolio juga lebih tinggi, sejajar dengan peningkatan dalam pelaburan pengurus dana antarabangsa di Malaysia berikutan pengukuhan penarafan yang berterusan serta prospek ekonomi dan perolehan yang bertambah baik. Namun begitu, aliran masuk modal yang lebih besar ini tidak menggugat kestabilan sistem kewangan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus mengurus lebihan mudah tunai untuk memastikan kadar faedah berada pada tahap yang dikehendaki.

Graf 2.1
Kadar Faedah Pemberian Pinjaman:
Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan



Kadar berian pinjaman asas (BLR) institusi perbankan tidak banyak berubah memandangkan struktur kos dana secara relatif adalah stabil. BLR bank perdagangan menjadi sederhana sedikit kepada 5.98%, manakala BLR syarikat kewangan kekal tidak

Jadual 2.3
Sistem Perbankan[1]: Penunjuk Pinjaman

	Pada tahun (RM bilion)				Perubahan tahunan (%)			
	2001	2002	2003	2004	2001	2002	2003	2004
Jumlah								
Permohonan pinjaman	190.6	217.2	227.6	273.3	-8.7	14.0	4.8	20.1
Kelulusan pinjaman	125.6	137.6	152.8	173.6	-6.8	9.5	11.1	13.6
Pengeluaran pinjaman	373.5	411.6	441.6	488.2	3.5	10.2	7.3	10.6
Pembayaran balik pinjaman	365.4	402.7	430.4	461.6	5.3	10.2	6.9	7.2
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	16.1	19.8	21.6	40.2	3.9	4.6	4.8	8.5
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	t.d.	135.3	124.9	149.9	t.d.	t.d.	-7.7	20.0
Kelulusan pinjaman	63.5	68.5	77.3	84.9	-19.7	7.9	12.8	9.8
Pengeluaran pinjaman	270.4	282.0	303.4	335.3	0.1	4.3	7.6	10.5
Pembayaran balik pinjaman	276.8	275.8	299.5	319.8	2.8	-0.4	8.6	6.8
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-5.6	-3.1	-5.2	5.6	-2.5	-1.4	-2.4	2.6
PKS								
Permohonan pinjaman	t.d.	48.7	44.5	54.1	t.d.	t.d.	-8.6	21.6
Kelulusan pinjaman	t.d.	30.7	25.9	31.6	t.d.	t.d.	-15.5	21.9
Pengeluaran pinjaman	t.d.	49.5	87.1	100.4	t.d.	t.d.	76.0	15.3
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	4.0	…	7.4	6.3	5.7	…	10.0	7.7
Perusahaan perniagaan lain								
Permohonan pinjaman	t.d.	86.6	80.4	95.7	t.d.	t.d.	-7.2	19.1
Kelulusan pinjaman	t.d.	37.8	51.4	53.3	t.d.	t.d.	35.8	3.8
Pengeluaran pinjaman	t.d.	232.5	216.3	234.9	t.d.	t.d.	-7.0	8.6
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	-9.6	-3.1	-12.7	-0.7	-6.1	-2.1	-8.8	-0.5
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	t.d.	81.9	98.4	120.2	t.d.	t.d.	20.2	22.1
Kelulusan pinjaman	59.2	66.9	72.0	86.8	11.5	13.0	7.6	20.5
Pengeluaran pinjaman	87.0	105.1	114.4	130.3	14.5	20.8	8.9	13.8
Pembayaran balik pinjaman	71.5	83.7	94.1	107.0	9.9	17.0	12.4	13.7
Perubahan pinjaman terkumpul[2]	23.1	26.2	26.2	33.3	14.8	14.7	12.8	14.4


[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Pertumbuhan tahunan adalah untuk pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.
… Terlalu kecil
t.d. Tidak Diperoleh

berubah pada 6.90%. Sepanjang tahun 2004, lima penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan milik mereka telah dilaksanakan, menyebabkan pelarasan teknikal pada kadar berian pinjaman purata (ALR). Dengan kadar faedah yang lebih rendah ditawarkan bagi pinjaman baru, ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menjadi sederhana, masing-masing kepada 5.98% dan 8.78% pada akhir tahun 2004, daripada 6.11% dan 9.11% pada akhir tahun 2003.

Walaupun kadar deposit secara am kekal tidak berubah daripada paras yang dicatat pada akhir tahun 2003, pendeposit terus memperoleh pulangan benar positif atas deposit mereka dalam persekitaran inflasi yang rendah. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia menerbitkan instrumen pelaburan yang baru, iaitu Bon Simpanan Merdeka yang bertujuan menyediakan instrumen simpanan tambahan, yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi, kepada para pesara. Bon Simpanan Merdeka yang berlandaskan prinsip Islam *Bai' Al-Inah*, menawarkan margin keuntungan sebanyak 5% setahun, iaitu kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah bagi deposit tetap 12-bulan yang ditawarkan oleh bank perdagangan. Bon ini akan terus diterbitkan pada tahun 2005 dengan jumlah terbitan dirancang sebanyak RM1.31 bilion berbanding dengan RM1.94 bilion yang diterbitkan pada tahun 2004.

Keadaan monetari yang akomodatif sepanjang tahun 2004 telah memudahkan pembiayaan aktiviti sektor swasta. Jumlah pembiayaan kasar yang diberikan oleh sistem perbankan dan diperoleh daripada pasaran modal meningkat 6.2% pada tahun 2004 (2003: 9%). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan pegangan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 10.3%).

Graf 2.2
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Aktiviti pemberian pinjaman bank memberangsangkan pada tahun 2004, dicerminkan oleh pertumbuhan yang pesat dalam jumlah pinjaman terkumpul sebanyak 8.5% pada akhir tahun 2004 (akhir tahun 2003: 4.8%). Permintaan dana yang lebih tinggi juga diperlihatkan oleh peningkatan ketara dalam permohonan pinjaman sebanyak 20.1% berbanding dengan 4.8% pada tahun 2003. Kelulusan pinjaman juga lebih tinggi, berjumlah RM173.6 bilion atau peningkatan sebanyak 13.6%.

Sejajar dengan pemulihan dalam pelaburan swasta, pinjaman bank sektor perusahaan perniagaan meningkat pada tahun 2004, setelah pinjaman terkumpul menurun selama tiga tahun. Pada tahun 2004, pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan 2.6% (akhir tahun 2003: -2.4%). Pertumbuhan dalam permintaan pinjaman bank dicatat oleh hampir kesemua subsektor perusahaan perniagaan dengan jumlah permohonan pinjaman oleh perusahaan perniagaan meningkat pada kadar tahunan 20% (2003: -7.7%).

Pertumbuhan tahunan pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan turut meningkat sebanyak 10.5%. Data pinjaman mengikut sektor menunjukkan pemberian pinjaman kepada sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel, terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mencakupi 25% daripada jumlah pengeluaran pinjaman perusahaan perniagaan pada tahun 2004, berbanding dengan 23.1% yang dicatat pada tahun 2003.

Gabungan beberapa faktor, iaitu seperti kedudukan kewangan korporat yang lebih kukuh, peningkatan dalam keuntungan dan sentimen perniagaan yang positif membolehkan syarikat-syarikat besar untuk menceburi aktiviti pelaburan baru. Dalam persekitaran ini, permintaan terhadap pinjaman bank oleh syarikat-syarikat besar meningkat sepanjang tahun dengan permohonan pinjaman bertambah sebanyak 19.1%. Jumlah pengeluaran pinjaman kepada syarikat-syarikat besar turut berkembang pada kadar tahunan 8.6% pada tahun 2004.


Sejajar dengan peningkatan pelaburan sektor swasta, hampir separuh daripada jumlah dana yang diperoleh dalam pasaran PDS adalah untuk membiayai projek-projek baru. Bahagian dana PDS yang diperoleh untuk membiayai projek-projek baru meningkat dengan ketara kepada 46.5% berbanding dengan 6.6% pada tahun 2003. Ini terutamanya untuk penjanaan kuasa dan perkhidmatan pembekalan air dalam sektor utiliti serta penyediaan infrastruktur lebuh raya dalam sektor pembinaan. Ini turut mencerminkan pertambahan minat syarikat-syarikat yang besar untuk memperoleh dana jangka panjang daripada pasaran PDS.

Jadual 2.4
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Terkumpul

	Perubahan tahunan		% bahagian daripada jumlah pada akhir tahun 2004
	2003	2004	
	RM bilion		
Pinjaman sistem perbankan kepada:			
Perusahaan perniagaan	-5.2	5.6	42.6
Isi rumah	26.2	33.3	51.4
Mengikut sektor:			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	-1.1	0.4	2.1
Perlombongan dan kuari	0.1	-0.1	0.2
Perkilangan	-0.2	2.0	12.3
Bekalan elektrik, gas dan air	-1.7	0.1	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	2.1	4.3	8.5
Sektor harta benda luas	14.6	19.8	40.6
Pembinaan	*-2.7*	*1.3*	*6.0*
Pembelian rumah kediaman	*16.2*	*16.4*	*25.9*
Pembelian rumah bukan kediaman	*1.1*	*2.3*	*6.1*
Harta tanah	...	*-0.2*	*2.7*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1.0	-0.8	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-0.6	1.7	6.0
Kredit penggunaan	8.9	14.6	20.2
antaranya:			
Kad kredit	*1.6*	*2.0*	*2.8*
Pembelian kereta penumpang	*6.5*	*10.6*	*14.0*
Pembelian sekuriti	-1.8	-0.4	3.8
Pembelian kenderaan pengangkutan	0.3	-0.8	0.5
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	-0.7	0.1	1.0
Lain-lain	0.9	-0.7	2.0
Jumlah pinjaman terkumpul[2]	**21.6**	**40.2**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Graf 2.3
Pengeluaran Pinjaman mengikut Sektor: Nilai dan Bahagian




Keadaan makroekonomi yang lebih memberangsangkan sepanjang tahun 2004 telah meningkatkan permintaan PKS terhadap pembiayaan. Institusi perbankan telah mengambil pendekatan yang lebih fokus untuk memberi pinjaman kepada PKS, dengan menubuhkan unit pinjaman khas PKS. Unit tersebut berfungsi untuk mempromosikan pakej pinjaman kepada sektor PKS. Permintaan dana yang meningkat oleh PKS, seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan tahunan permohonan pinjaman sebanyak 21.6%, turut diikuti oleh kelulusan pinjaman yang meningkat pada kadar tahunan sebanyak 21.9%. Jumlah pinjaman terkumpul PKS meningkat pada kadar tahunan 7.7% (2003: 10%) untuk mencakupi 40.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan (2003: 38.4%). Permintaan untuk pembiayaan daripada PKS dijangka akan terus meningkat, selaras dengan peranan sektor ini sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang semakin penting.


Kecenderungan sektor isi rumah untuk berbelanja meningkat pada tahun 2004, dalam keadaan keyakinan pengguna yang semakin meningkat dengan pendapatan boleh guna yang semakin bertambah dan persekitaran monetari yang positif. Dengan sentimen dan prospek yang positif, pinjaman terkumpul sektor isi rumah terus berkembang dengan kukuh sebanyak 14.4% pada tahun 2004 (akhir tahun 2003: 12.8%). Pada akhir tahun 2004, bahagian bagi pinjaman terkumpul sektor isi rumah dalam jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada 51.4% daripada 48.8% pada tahun 2003. Peningkatan dalam pemberian pinjaman turut dipacu oleh faktor-faktor dari sudut penawaran, terutamanya persaingan yang aktif antara institusi perbankan untuk mengembangkan bahagian pasaran masing-masing dalam kegiatan pemberian pinjaman runcit. Permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah turut meningkat pada tahun 2004.

Dari segi pertumbuhan pinjaman sektor isi rumah, pemberian pinjaman untuk pembelian harta kediaman terus merupakan pemacu utama pinjaman isi rumah, dengan pinjaman terkumpul untuk tujuan tersebut mencakupi 49.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor isi rumah pada akhir tahun 2004. Pinjaman yang tinggi untuk pembelian harta kediaman meningkat dengan ketara terutamanya pada separuh tahun pertama, disokong oleh minat belian yang mapan terhadap harta kediaman bertanah semenjak separuh kedua tahun 2003, dan oleh insentif berkaitan sektor harta tanah, yang diumumkan dalam Pakej Ekonomi pada bulan Mei 2003, yang akan tamat tempoh.

Graf 2.4
Sistem Perbankan: Pinjaman kepada Isi Rumah (pada akhir tempoh)



Graf 2.5
Nilai Agregat Urus Niaga Kad Kredit




Pada tahun 2004, pertumbuhan permintaan pinjaman untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan nyata. Pengumuman Kementerian Kewangan mengenai rangka kerja levi import dan duti eksais, selaras dengan komitmen Malaysia dalam Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), telah menghapuskan keraguan tentang harga di kalangan pengguna, yang telah menangguhkan pembelian kereta penumpang pada tahun 2003 dan pada suku pertama tahun 2004. Di samping itu, pelancaran model baru oleh pengeluar kereta tempatan dan asing menambah lagi minat pembeli. Kesannya, permintaan untuk pinjaman pembelian kereta penumpang menunjukkan trend yang kukuh dan meningkat sejak suku kedua tahun 2004. Kadar pertumbuhan tahunan pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian kereta penumpang meningkat dengan mantap kepada 18.8% pada tahun 2004. (2003: -4.9%)

Sejajar dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik dan pertumbuhan dalam penggunaan sektor swasta, perbelanjaan menggunakan kad kredit meningkat pada tahun 2004. Jumlah kad kredit dan nilai perbelanjaan oleh pemegang kad kredit Malaysia meningkat, masing-masing sebanyak 12.3% dan 18.8% (15.5% dan 16% pada tahun 2003). Dengan sejumlah besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembelian barangan dan perkhidmatan, peratus bahagian pendahuluan tunai daripada jumlah perbelanjaan kad kredit terus menurun ke 7.5% (2003: 8.2%). Pada akhir tahun 2004, pinjaman tidak berbayar (NPL) bagi pinjaman kad kredit kekal rendah pada 4.7%, sementara pinjaman terkumpul kad kredit mencakupi 2.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan.

Kedudukan kewangan sektor isi rumah kekal kukuh. Pada tahun 2004, penunjuk-penunjuk keadaan kewangan sektor isi rumah memperlihatkan bahawa sektor tersebut mampu mengurus hutang mereka. Nisbah NPL kasar sektor isi rumah adalah lebih rendah pada 7.2% pada tahun 2004 (2003: 7.9%). Nisbah NPL kasar untuk pinjaman pembelian harta kediaman juga lebih rendah pada 8.5% pada akhir tahun 2004 (2003: 8.7%). Di samping itu, bilangan pesalah cek tak laku menurun sebanyak 6.5% berbanding setahun yang lalu.

Berikutan aktiviti ekonomi yang pesat, bekalan wang meningkat pada tahun 2004. Wang secara luas, M3, meningkat pada kadar tahunan 12.4%, didorong terutamanya oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi, iaitu RM82.2 bilion, yang sejumlah besar adalah dalam bentuk pelaburan langsung asing, pembawaan balik perolehan eksport dan aliran masuk dana

Graf 2.6
Agregat Monetari




Jadual 2.5
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2003	2004
M3	48.5	68.0
Mata wang	2.2	2.6
Deposit permintaan	11.2	10.1
Separuh wang secara luas	35.1	55.3
Deposit tetap	*17.1*	*24.7*
Deposit tabungan	*5.6*	*6.1*
NID	*2.0*	*8.2*
Repo	*8.0*	*13.3*
Deposit mata wang asing	*2.4*	*3.0*
Faktor Penentu M3		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	12.9	-11.8
Tuntutan ke atas sektor swasta	31.3	30.3
Pinjaman	*21.5*	*39.8*
Sekuriti	*9.8*	*-9.5*
Operasi luar bersih	20.7	82.2
Bank Negara Malaysia	*27.1*	*75.0*
Sistem perbankan	*-6.4*	*7.2*
Pengaruh lain	-16.5	-32.7

portfolio. Tambahan lagi, aktiviti pembiayaan sektor swasta yang lebih tinggi turut menyumbang kepada kenaikan bekalan wang pada tahun 2004, iaitu sebanyak RM30.3 bilion. Sebaliknya, konsolidasi fiskal Kerajaan memberi kesan penguncupan ke atas bekalan wang (-RM11.8 bilion).

M1, penunjuk untuk aktiviti urus niaga meningkat sebanyak 11.9% pada tahun 2004 (2003: 14.6%). Ini berikutan permintaan terhadap baki urus niaga oleh sektor isi rumah dan perusahaan perniagaan, termasuk wang tunai dan deposit permintaan, yang meningkat lagi sejajar dengan perbelanjaan isi rumah dan aktiviti runcit yang lebih tinggi. Pertumbuhan M1 nyata lebih tinggi pada separuh tahun pertama, tetapi meningkat dengan sederhana pada separuh tahun kedua, seiring dengan trend pertumbuhan ekonomi.

Graf 2.7
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

Rejim kadar pertukaran tetap ringgit pada kadar AS$1 kepada RM3.80 telah dikekalkan sejak 2 September 1998. Pariti tetap ringgit terus memberi manfaat yang besar kepada ekonomi Malaysia dengan menyediakan suasana yang dapat dijangka dan stabil untuk aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Pada tahun 2004, perkembangan ringgit didorong terutamanya oleh penyusutan nilai dolar AS dan penjajaran semula mata wang utama dan serantau berbanding dengan mata wang AS. Berikutan kelemahan dolar, euro, paun sterling dan yen masing-masing meningkat nilai sebanyak 8.3%, 8.1% dan 4.2%. Dolar mencecah nilai yang terendah iaitu AS$1.3619 berbanding dengan euro pada 30 Disember 2004, AS$1.9455 berbanding dengan paun sterling pada 21 Disember 2004, iaitu paras terendah dalam tempoh 14 tahun, dan 102.105 berbanding dengan yen pada 6 Disember 2004, iaitu paras yang terendah dalam tempoh 5 tahun.


Bagi tahun 2004 keseluruhannya, dolar menyusut nilai terutamanya berikutan kebimbangan mengenai defisit akaun semasa dan belanjawan AS yang semakin besar. Antara mata wang utama, penyelarasan terutamanya berlaku dalam euro ekoran pembelian aset dalam sebutan euro yang bertambah oleh pelabur. Berbanding dengan paun Britain, peningkatan kadar faedah UK yang berterusan pada sepanjang tahun meluaskan kebezaan jurang kadar

Jadual 2.6
Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	2003	2004	2003	2004	Akhir Jun '97-Akhir Dis. 2004	2 Sep. '98 - Akhir Dis. 2004
	Akhir Jun[2]	Sep. 2[3]	Akhir Dis.					
SDR	3.5030	5.1177	5.6264	5.8818	-8.5	-4.3	-40.4	-13.0
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	-33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.2342	2.3258	-2.0	-3.9	-24.1	-5.4
100 yen	2.2088	2.7742	3.5546	3.7026	-9.9	-4.0	-40.3	-25.1
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.7678	7.3169	-10.0	-7.5	-42.6	-12.9
Franc Swiss	1.7368	2.6450	3.0632	3.3517	-10.6	-8.6	-48.2	-21.1
Euro[4]	–	–	4.7783	5.1729	-16.7	-7.6	–	–
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.5947	9.7636	-8.2	-1.7	-0.2	-4.0
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0449	0.0408	-5.3	9.8	154.1	-13.3
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3180	0.3671	0.6	-13.4	-22.6	-23.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.8431	6.7706	4.4	1.1	41.6	30.4

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.
[2] Akhir Jun 1997 merupakan tahap sebelum Krisis Kewangan Asia.
[3] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[4] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

Graf 2.8
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks menunjukkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

faedah dengan memihak kepada UK dan ini telah memberi sokongan yang kukuh terhadap mata wang negara tersebut. Pada masa yang sama, yen bertambah kukuh ekoran tanda-tanda bahawa terdapat pemulihan dalam ekonomi Jepun.

Namun begitu, kelemahan dolar diselangi oleh peningkatan nilai dolar yang ketara pada suku kedua dan ketiga tahun 2004. Peningkatan nilai dolar ini sebahagiannya dibantu oleh kenaikan sebanyak lima kali dalam Kadar *Federal Fund* pada separuh kedua tahun tersebut, yang mengubah jurang kadar hasil untuk lebih memihak kepada AS, manakala prestasi Jerman dan Perancis yang lebih lembap sedikit sebanyak menjejaskan euro. Sementara itu, pengukuhan yen telah dibatasi oleh kebimbangan terhadap campur tangan bank pusat. Walau bagaimanapun, sejak bulan September, dolar mula menyusut nilai dengan ketara ekoran tanggapan pasaran pertukaran asing bahawa AS mengamalkan dasar dolar yang lemah bagi menangani ketidakseimbangan luaran negara tersebut.

Di bawah rejim kadar pertukaran tetap, ringgit menyusut nilai seiring dengan dolar AS berbanding dengan euro sebanyak 7.6%, berbanding dengan paun sterling sebanyak 7.5% dan berbanding dengan yen sebanyak 4%. Ringgit menyusut nilai dalam julat 1.7% hingga 13.4% berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau. Namun, ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina dan rupiah Indonesia, masing-masing sebanyak 1.1% dan 9.8%. Naik nilai kadar pertukaran serantau dipengaruhi terutamanya oleh kelemahan dolar, pertumbuhan eksport yang kukuh dan aliran masuk ekuiti asing. Ini mengimbangi kebimbangan terhadap harga minyak yang lebih tinggi dan kemungkinan pengetatan dasar oleh RR China yang akan memberi kesan ke atas ekonomi negara tersebut secara lebih ketara daripada jangkaan.

Kelemahan dolar AS menguatkan sesetengah jangkaan pasaran bahawa dasar kadar pertukaran tetap ringgit akan dikaji semula, terutamanya berikutan banyak spekulasi bahawa RR China sedang mempertimbangkan peralihan kepada rejim kadar pertukaran yang lebih fleksibel. Spekulasi mengenai masa dan sifat penyelarasan terhadap kadar pertukaran tetap ringgit berubah-ubah selaras dengan intensiti perdebatan mengenai yuan China dan pergerakan dolar AS berbanding dengan mata wang utama yang lain, terutamanya yen dan euro. Sungguh pun terdapat spekulasi yang berleluasa ini, kadar pertukaran tetap ringgit dijangka terus berfungsi dengan berkesan. Bank Negara Malaysia dengan konsisten telah menegaskan bahawa dasar mengenai ringgit tidak akan dikaji semula kecuali ringgit dijangka mengalami ketidakjajaran yang amat ketara dan untuk satu tempoh masa yang panjang, atau pun sekiranya rejim sekarang tidak lagi konsisten dengan asas-asas makroekonomi negara berikutan perubahan struktur yang besar dalam sistem kewangan antarabangsa atau serantau.

DASAR DAN OPERASI FISKAL

Matlamat dasar fiskal pada tahun 2004 adalah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan, di samping membantu mempertingkatkan peranan sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan. Matlamat ini selaras dengan strategi makroekonomi keseluruhan untuk merangsang dan mempercepatkan pertumbuhan berasaskan sumber dalam negeri. Memandangkan perlunya satu dasar yang fleksibel dalam keadaan yang tidak menentu, komitmen Kerajaan yang mantap terhadap pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal terbukti dengan pengurangan defisit fiskal kepada 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004, berbanding dengan 5.3% pada tahun 2003 dan paras yang tinggi sebanyak 5.7% pada tahun 2000. Pengurangan defisit fiskal yang stabil dan secara beransur-ansur adalah perlu bagi meminimumkan sebarang kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Konsolidasi fiskal dicapai melalui pertambahan hasil dan perbelanjaan yang lebih cekap dan berkesan. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan hasil termasuk meningkatkan usaha-usaha melalui penguatkuasaan yang tegas, audit cukai dan langkah-langkah mencegah penyeludupan bagi meminimumkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai.

Dari segi pentadbiran perbelanjaan, usaha-usaha bersepadu diambil bagi mengurangkan pembaziran, menggunakan sumber sedia ada dengan optimum dan meningkatkan nilai ekonomi bagi aset fizikal melalui penggunaan dan penyelenggaraan yang produktif. Walaupun perbelanjaan pembangunan menurun, keutamaan diberikan pada perbelanjaan yang dapat menjamin produktiviti dan daya saing ekonomi jangka panjang. Perhatian khusus juga diberikan pada projek-projek kecil dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar bagi memperluas faedah pertumbuhan dan mengimbangi pembangunan ekonomi.

Bagi memastikan projek-projek sosial dan pembangunan luar bandar terus diberi keutamaan, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan tahap maksimum perbelanjaan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-05) sebanyak RM10 bilion kepada RM170 bilion. Tindakan ini perlu kerana sebahagian besar daripada peruntukan asal telah digunakan pada tahun 2001-03, berikutan strategi propertumbuhan dan langkah-langkah penstabilan yang diambil untuk meringankan tekanan kemerosotan. Pada tempoh tersebut, pelaksanaan projek-projek sosial dan ekonomi, terutamanya dalam sektor pendidikan dan kesihatan telah dilaksanakan lebih awal dan dipercepatkan. Hasilnya, peruntukan yang lebih tinggi ini telah mengurangkan kesan kejatuhan mendadak perbelanjaan pembangunan ke atas ekonomi dan seterusnya memastikan momentum pertumbuhan tidak terjejas.

Pada masa yang sama, dasar telah menjurus ke arah memastikan sektor awam yang lebih cekap. Antara kemajuan yang telah dicapai dalam sistem penghantaran sektor awam termasuk memudahkan peraturan dan pengawalan sedia ada serta proses kerja. Seterusnya, kajian semula pengurusan dan penyusunan semula syarikat berkaitan Kerajaan telah dilaksanakan untuk menerapkan budaya berasaskan prestasi dan meningkatkan nilai syer pemegang saham. Langkah ini membantu meningkatkan keyakinan para pelabur dan menghasilkan persekitaran perniagaan yang lebih memberangsangkan kepada ekonomi negara.

Kerajaan juga menawarkan tambahan pelepasan cukai, insentif dan kemudahan pembiayaan bagi sektor swasta untuk meningkatkan peranan mereka dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk menaikkan paras ambang bagi pendapatan bercukai untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dikenakan cukai pendapatan 20% kepada RM500,000 (daripada RM100,000). Langkah-langkah lain ialah mewujudkan agensi setempat untuk menggalakkan sektor perkhidmatan, memberi insentif cukai bagi syarikat-syarikat yang membekalkan rangkaian kemudahan bilik sejuk serta perkhidmatan untuk hasil pertanian yang mudah rosak, memberi galakan tambahan insentif cukai bagi hotel dan projek pelancongan, meningkatkan saiz Skim Kredit Mikro sebanyak RM1 bilion, membenarkan potongan bagi perbelanjaan keraian ke atas promosi jualan, mengurangkan atau menghapuskan duti import bagi barangan terpilih seperti bateri komputer, barangan kayu dan plastik dan juga mengurangkan dan menghapuskan duti eksport terhadap beberapa keluaran dan komoditi pertanian. Strategi-strategi ini menyumbang kepada persekitaran yang meningkatkan momentum kegiatan sektor swasta dalam menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Sumbangan sektor swasta terhadap pertumbuhan ekonomi negara meningkat kepada 6.2 mata peratusan pada tahun 2004 (2003: 3.1% dan 2002: 0.2%).

Konsolidasi fiskal kekal seperti yang dirancang. Operasi bajet terus tertumpu pada usaha menyediakan keadaan persekitaran yang mendorong aktiviti sektor swasta dan merangsang potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Dengan keadaan mudah tunai yang berlebihan dalam ekonomi, sebahagian besar daripada keperluan pembiayaan Kerajaan diperoleh daripada sumber dalam negeri tanpa menjejaskan peluang sektor swasta untuk mendapatkan pinjaman. Terbitan baru sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh matang antara 3, 5 dan 7 tahun diterbitkan pada kadar purata hasil antara 3.14 – 4.55% dan bagi sekuriti yang mempunyai tempoh matang 10 dan 15 tahun, kadar purata hasil adalah antara 5.09 - 5.73%. Kerajaan terus mengamalkan sikap berhemat dalam hal peminjaman luar negeri bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko luar. Pada tahun 2004, perolehan pinjaman luar negeri dihadkan kepada pengeluaran pinjaman projek yang telah diluluskan sebelum ini.

Mencerminkan komitmen yang kukuh terhadap dasar konsolidasi fiskal, Kerajaan dapat mengekalkan hutangnya pada paras yang terurus. Pada akhir tahun 2004, paras hutang berada pada tahap 48.4% daripada KDNK, dengan hutang luar negeri mencakupi 16% daripada jumlah hutang.

Sektor Awam Yang Disatukan

Kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan bertambah baik pada tahun 2004. Walaupun hasil kekal memberangsangkan, perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi mengakibatkan lebihan semasa sektor awam menurun kepada 14.8% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang lebih rendah menyumbang kepada defisit keseluruhan sektor awam yang lebih kecil sebanyak RM1.5 bilion atau 0.3% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Mencerminkan dasar konsolidasi fiskal, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak RM19.4 bilion atau 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004 (2003: -5.3% daripada KDNK). Kedudukan fiskal yang bertambah baik disebabkan oleh pungutan hasil yang lebih baik dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah.

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 7.3% kepada RM99.4 bilion atau 22.2% daripada KDNK pada tahun 2004. Prestasi hasil yang lebih baik disebabkan oleh pungutan yang lebih tinggi daripada cukai langsung dan tidak langsung. Penerimaan hasil bukan cukai kekal menggalakkan.

Pungutan hasil cukai yang lebih tinggi mencerminkan prestasi ekonomi yang bertambah baik serta harga minyak yang tinggi pada tahun sebelumnya. Pungutan yang lebih tinggi juga disebabkan oleh beberapa langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan pungutan cukai dan mengurangkan kehilangan hasil dan pengelakan cukai. Langkah-langkah ini termasuk merasionalkan struktur cukai, memperhebat usaha memungut cukai melalui penguatkuasaan yang lebih tegas, audit cukai dan langkah-langkah mencegah penyeludupan. Perolehan cukai pendapatan meningkat dengan ketara, mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah hasil (46%). Yang penting, perolehan daripada cukai pendapatan petroleum mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 35.6% berikutan harga minyak yang lebih tinggi dengan harga purata AS$30.30 setong pada tahun 2003 (asas cukai untuk tahun 2004) serta peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah. Pendapatan perseorangan dan perolehan perusahaan perniagaan yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan cukai pendapatan perseorangan dan korporat, meskipun konsesi cukai telah dilaksanakan dalam Bajet 2004 bagi mengurangkan bebanan cukai ke atas individu dan

Jadual 2.7
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2003	2004*a*	2005*r*
	RM juta		
Hasil[1]	107,055	116,663	115,760
Perbelanjaan mengurus	84,163	102,727	100,091
Lebihan semasa PABK[2]	55,651	52,295	52,892
Imbangan semasa	**78,543**	**66,231**	**68,560**
% daripada KDNK	**19.9**	**14.8**	**14.6**
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	83,315	67,772	63,523
Sektor kerajaan[4]	*43,155*	*33,638*	*33,175*
PABK	*40,160*	*34,135*	*30,348*
Imbangan keseluruhan	**-4,772**	**-1,541**	**5,037**
% daripada KDNK	**-1.2**	**-0.3**	**1.1**

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan antara sektor kerajaan.
[2] Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003 dan 2004; 36 PABK pada tahun 2002.
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih antara sektor awam.
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan berkanun dan kerajaan tempatan.
a Anggaran
r Ramalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual 2.8
Kewangan Kerajaan Persekutuan


	2003	2004*a*	Bajet 2005
	RM juta		
Hasil	92,608	99,397	99,102[1]
Perbelanjaan mengurus	75,224	91,298	89,141
Akaun semasa	**17,384**	**8,099**	**9,961**
% daripada KDNK	**4.4**	**1.8**	**2.1**
Perbelanjaan pembangunan bersih	38,312	27,518	27,589
Perbelanjaan pembangunan kasar	*39,353*	*28,864*	*28,304*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	*1,041*	*1,346*	*715*
Imbangan keseluruhan	**-20,928**	**-19,419**	**-17,628**
% daripada KDNK	**-5.3**	**-4.3**	**-3.8**
Sumber pembiayaan:			
Peminjaman dalam negeri bersih	23,250	25,650	–
Peminjaman kasar	*41,850*	*45,850*	–
Tolak: Pembayaran balik	*18,600*	*20,200*	–
Peminjaman luar negeri bersih	-3,709	120	–
Peminjaman kasar	*3,144*	*1,136*	–
Tolak: Pembayaran balik	*6,853*	*1,015*	–
Penerimaan khas	0	516	–
Harta boleh jual[2] dan pelarasan	+1,387	-6,867	
Jumlah	**20,928**	**19,419**	**–**

[1] Termasuk terimaan hasil bersih.
[2] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan. Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Awalan


Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.9

Kewangan Kerajaan Persekutuan



Hutang Kerajaan Persekutuan



a awalan

PKS. Konsesi cukai ini termasuk kenaikan pelepasan cukai untuk anak daripada RM800 kepada RM1,000 untuk anak di bawah 18 tahun dan daripada RM3,200 kepada RM4,000 untuk anak berumur 18 tahun ke atas yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi tempatan dan paras ambang bagi pendapatan bercukai yang layak dikenakan cukai pendapatan korporat yang lebih rendah iaitu 20% bagi PKS dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000.

Keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh pada tahun 2004 menghasilkan pungutan yang lebih tinggi bagi kebanyakan sumber utama cukai tidak langsung. Khususnya, permintaan terhadap kenderaan bermotor yang terus meningkat berserta langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2004 menyumbang kepada pungutan duti eksais yang lebih tinggi. Antara langkah baru ialah kenaikan duti eksais bagi rokok dan keluaran tembakau dan langkah-langkah membendung aktiviti penyeludupan melalui penggunaan pelekat khas atau banderol serta dakwat keselamatan. Pada tahun 2004, terdapat perasionalan bagi struktur tarif ke atas kenderaan bermotor sejajar dengan komitmen Malaysia kepada perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004, di bawah struktur tarif baru duti import untuk pemasangan tempatan (CKD) kereta penumpang ASEAN telah diturunkan kepada 25% (daripada 42-80%), manakala eksais duti yang lebih tinggi sebanyak 60-100% dikenakan (daripada 25-65%). Walau bagaimanapun, pungutan duti import tidak banyak berubah. Pungutan cukai jualan juga lebih rendah disebabkan oleh pengecualian cukai yang lebih tinggi diberikan kepada keluaran petroleum. Di bawah Mekanisme Harga Automatik, pengecualian cukai yang lebih tinggi akan diberikan kepada syarikat minyak bagi mengurangkan kesan kenaikan harga minyak yang lebih tinggi ke atas harga runcit keluaran petroleum.

Selaras dengan dasar konsolidasi fiskal Kerajaan Persekutuan, pertumbuhan dalam jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah sebanyak 4.9% pada tahun 2004 (2003: 9.5%). Teras perbelanjaan Kerajaan secara keseluruhan adalah untuk terus menyediakan persekitaran yang menyokong sektor swasta dan meningkat kapasiti daya keluaran serta kualiti hidup rakyat Malaysia. Subsidi ke atas keluaran petroleum yang sangat tinggi merupakan penyebab utama **perbelanjaan mengurus** meningkat sebanyak 21.4% pada tahun 2004. Peningkatan harga minyak yang sangat tinggi mengakibatkan subsidi meningkat dengan ketara, terutamanya untuk keluaran petroleum. Di bawah Mekanisme Harga Automatik, Kerajaan dikehendaki membayar subsidi kepada syarikat minyak jika pengecualian duti yang diberikan tidak cukup untuk menampung hasil yang hilang akibat daripada peningkatan harga minyak. Ini bertujuan untuk mengekalkan kestabilan harga runcit keluaran petroleum. Bagi mengurangkan sebahagian daripada kesan


Jadual 2.9
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	**64,891**	**72,050**	**-2.9**	**11.0**
% daripada KDNK	**16.5**	**16.1**		
Cukai langsung	43,016	48,703	-3.0	13.2
Syarikat	*23,990*	*24,388*	*-2.6*	*1.7*
Petroleum	*8,466*	*11,479*	*10.9*	*35.6*
Individu	*7,984*	*8,977*	*-19.3*	*12.4*
Duti setem	*2,008*	*2,381*	*15.9*	*18.6*
Lain-lain	*568*	*1,478*	*26.0*	*160.0*
Cukai tidak langsung	21,875	23,348	-2.8	6.7
Duti eksport	*1,156*	*1,600*	*43.9*	*38.3*
Duti import	*3,919*	*3,874*	*6.9*	*-1.1*
Duti eksais	*5,031*	*6,427*	*6.0*	*27.7*
Cukai jualan	*7,965*	*6,816*	*-13.8*	*-14.4*
Cukai perkhidmatan	*2,038*	*2,349*	*-7.9*	*15.3*
Lain-lain	*1,766*	*2,281*	*-3.8*	*29.2*
Hasil bukan cukai	**27,717**	**27,347**	**66.4**	**-1.3**
Jumlah hasil	**92,608**	**99,397**	**10.9**	**7.3**
% daripada KDNK	**23.5**	**22.2**		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.10
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2004 (% bahagian)



peningkatan harga minyak yang berterusan ke atas bayaran subsidi, Kerajaan menaikkan harga runcit keluaran petroleum sebanyak dua sen berkuat kuasa mulai 1 Mei dan sebanyak lima sen berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2004. Perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan adalah terutamanya untuk penyelenggaraan dan pembaikan, sewa dan bayaran perkhidmatan profesional bagi menaikkan taraf kualiti dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

Bayaran yang lebih tinggi telah diberikan dalam bentuk pemberian dan pindahan kepada agensi-agensi kerajaan, badan berkanun dan kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Peningkatan yang ketara dicatatkan dalam bayaran balik lebihan cukai yang dipungut sebelum tahun 2004. Jumlah pembayaran gaji, yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus (26%), meningkat sebanyak 9.5%. Sepanjang tahun 2004, Kerajaan telah meningkatkan lagi insentif dalam bidang perguruan dengan kenaikan gaji sebanyak 20% untuk guru yang mempunyai prestasi cemerlang dan juga peningkatan gaji untuk anggota tentera. Bayaran khidmat hutang adalah lebih tinggi sedikit, mencerminkan tahap pembiayaan yang lebih tinggi diambil untuk membiayai defisit Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bahagian perbelanjaan khidmat hutang daripada perbelanjaan mengurus menurun kepada 12% (2003: 14%).

Jadual 2.10
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	21,721	23,779	28.9	26.0
Bekalan dan perkhidmatan	13,968	16,633	18.6	18.2
Pembelian harta	1,409	1,764	1.9	1.9
Bayaran khidmat hutang	10,546	10,920	14.0	12.0
Pencen dan ganjaran	5,870	6,060	7.8	6.6
Subsidi	2,679	5,796	3.6	6.3
Lain-lain pemberian dan pindahan[1]	16,323	21,264	21.7	23.3
Lain-lain perbelanjaan[2]	2,706	5,083	3.6	5.6
Jumlah	**75,224**	**91,298**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**19.1**	**20.4**		

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi perusahaan awam.
[2] Termasuk bayaran balik, pemberian kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans dan ganjaran dan lain-lain.
a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

Perbelanjaan pembangunan kasar menurun dengan ketara sebanyak 26.7% kepada RM28.9 bilion pada tahun 2004 (2003: RM39.4 bilion). Dengan memberi lebih penekanan ke atas pertanian dan pembangunan luar bandar serta projek kemudahan awam, perbelanjaan yang tinggi telah dicatatkan dalam sektor-sektor tersebut.

Dari segi pengagihan mengikut sektor, sektor perkhidmatan ekonomi merupakan komponen terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dengan bahagian sektor tersebut meningkat kepada 41%. Perbelanjaan yang lebih bagi pertanian dan pembangunan luar bandar serta kemudahan awam seperti jalan raya, program bekalan air dan elektrik, mencerminkan usaha-usaha Kerajaan untuk terus memodenkan sektor pertanian dan menaikkan taraf kehidupan di kawasan luar bandar. Perbelanjaan untuk subsektor pengangkutan kekal memberangsangkan, selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan rangkaian pengangkutan bersepadu yang lebih cekap dan berkesan. Perbelanjaan telah disalurkan terutamanya untuk pembinaan dan menaik

Jadual 2.11
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	6,029	4,133	15.3	14.3
Perkhidmatan ekonomi	13,793	11,851	35.0	41.1
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,620	2,881	4.1	10.0
Perdagangan dan industri	3,456	1,201	8.8	4.2
Pengangkutan	7,354	6,630	18.7	23.0
Kemudahan awam	920	945	2.3	3.3
Lain-lain	443	193	1.1	0.6
Perkhidmatan sosial	17,707	10,260	45.0	35.5
Pendidikan	10,193	4,316	25.9	15.0
Kesihatan	2,681	2,352	6.8	8.1
Perumahan	1,928	1,593	4.9	5.5
Lain-lain	2,905	1,999	7.4	6.9
Pentadbiran am	1,824	2,620	4.7	9.1
Jumlah	**39,353**	**28,864**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**10.0**	**6.4**		

a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan

taraf jalan raya, jambatan, serta memperbaiki dan meningkatkan kapasiti sistem keretapi, pelabuhan dan lapangan terbang. Perbelanjaan di bawah subsektor perdagangan dan industri tertumpu pada penyelidikan industri dan pembangunan teknologi, penggalakan PKS dan projek pembangunan pelancongan.

Dalam sektor perkhidmatan sosial, keutamaan terus diberikan kepada subsektor pendidikan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan untuk subsektor pendidikan adalah ketara lebih rendah disebabkan sebahagian besar daripada projek dalam sektor ini di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah siap. Sebagai sebahagian daripada program rangsangan fiskal yang lepas, pelaksanaan sekolah satu sesi dan pembinaan makmal komputer, politeknik dan universiti telah dipercepat pada tahun 2001-03. Perbelanjaan untuk tujuan kesihatan juga kekal tinggi bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang lebih baik. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pembinaan dan menaik taraf hospital dan penyediaan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Kerajaan juga terus melaksanakan projek perumahan untuk kakitangan sektor awam dan kumpulan berpendapatan rendah. Perbelanjaan untuk pertahanan dan bagi tujuan keselamatan dalam negeri terutamanya adalah untuk program memodenkan angkatan tentera dan polis. Perbelanjaan pentadbiran am yang lebih tinggi adalah terutamanya bagi pembangunan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) serta pembelian kelengkapan bangunan baru Kerajaan.

Jumlah **pinjaman kasar** Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004 adalah sebanyak RM47 bilion (RM45 bilion pada tahun 2003). Hampir keseluruhan keperluan pembiayaan (98% daripada jumlah) diperoleh daripada sumber dalam negeri kerana terdapat lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan. Terbitan sekuriti kerajaan yang kerap terus membantu membangun pasaran bon ringgit dengan memastikan keluk hasil tanda aras yang lebih reflektif.

Sepanjang tahun 2004, empat belas terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM41.8 bilion telah diterbitkan secara tender terbuka dan tawaran persendirian. Daripada jumlah ini, Kerajaan membuka semula sembilan terbitan MGS bagi menambah saiz terbitan masing-masing, yang dapat membantu meningkatkan mudah tunai dalam pasaran bon. Kerajaan juga mengeluarkan tiga Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) berjumlah RM4.1 bilion. Dari segi pegangan, kumpulan wang simpanan dan pencen serta syarikat insurans terus merupakan pemegang utama MGS. Institusi perbankan menambah pegangan MGS kepada 15% daripada jumlah MGS terkumpul pada akhir tahun 2004. Pemegang utama GII ialah institusi perbankan (74% daripada jumlah terkumpul).

Selaras dengan dasar pengurusan hutang berhemat, Kerajaan telah mengehadkan pinjaman dari luar negeri kepada hanya pengeluaran pinjaman projek yang sedia ada. Sebanyak RM1.1 bilion telah dikeluarkan daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Pada tahun 2004, Kerajaan telah memindahkan dua pinjamannya kepada agensi-agensi kerajaan. Oleh itu, tahap pinjaman luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah lebih rendah pada


Jadual 2.12
Hutang Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir 2004*a*
	2003	2004*a*	
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	**22,803**	**30,487**	**181,970**
Bil Perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000	2,100	9,100
Sekuriti Kerajaan Malaysia	21,250	23,550	154,350
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	2,628	4,837	14,200
Pinjaman pasaran	-3,075	0	0
Hutang luar negeri	**1,001**	**-2,631**	**34,654**
Pinjaman pasaran	-485	-3,259	24,930
Pinjaman projek	1,486	629	9,724
Jumlah	**23,804**	**27,856**	**216,624**
% daripada KDNK			**48.4**

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.11
Hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2004*a* (% bahagian)



a Awalan

7.7% daripada KDNK pada akhir tahun 2004, berbanding dengan 9.5% pada akhir tahun 2003.

Jumlah **hutang terkumpul** Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM216.6 bilion disebabkan terutamanya oleh hutang dalam negeri yang lebih tinggi. Dari segi nisbah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kepada KDNK, ia meningkat sedikit, iaitu pada 48.4% pada akhir tahun 2004 (47.9% pada akhir tahun 2003). Walaupun paras hutang lebih tinggi, kapasiti Kerajaan untuk membayar khidmat hutang terus kekal pada tahap berhemat dan terurus. Bayaran khidmat hutang sebagai peratusan perbelanjaan mengurus dan hasil, kekal rendah, masing-masing pada 12% dan 11% pada tahun 2004. Nisbah khidmat hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan juga rendah pada 0.5% pada tahun 2004, berikutan pendedahan kepada hutang luar negeri yang rendah, iaitu sebanyak 16% daripada jumlah hutang terkumpul pada tahun 2004 (19.8% pada tahun 2003). Pengurusan hutang yang aktif juga mengurangkan pembayaran balik serentak kebanyakan hutang, dengan kira-kira 60% daripada hutang luar negeri pada akhir tahun 2004 mempunyai tempoh matang melebihi tiga tahun. Sejumlah besar daripada pinjaman (kira-kira 95%) diperoleh pada kadar faedah tetap, seterusnya mengurangkan pendedahan terhadap sebarang turun naik pada kadar faedah.

Jadual 2.13
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2003	2004*a*	2003	2004*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil Perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	67	17	1.6	0.4
Institusi perbankan	3,266	481	75.6	11.1
Lain-lain	986	3,822	22.8	88.5
Terbitan Pelaburan Kerajaan	**7,000**	**9,100**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	390	597	5.6	6.6
Institusi perbankan	6,611	6,755	94.4	74.2
Lain-lain	0	1,748	0.0	19.2
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**130,800**	**154,350**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	99,162	109,362	75.8	70.9
antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*84,678*	*91,402*	*64.7*	*59.2*
Syarikat insurans	*11,598*	*14,700*	*8.9*	*9.5*
Institusi perbankan	19,008	23,427	14.5	15.2
Lain-lain	12,630	21,560	9.7	14.0

a Awalan
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan telah mencatat defisit keseluruhan sebanyak 0.3% daripada KDNK. Kemerosotan kecil ini disebabkan oleh perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi walaupun prestasi hasil adalah lebih kukuh. Defisit keseluruhan telah dibiayai oleh pengeluaran aset kewangan terkumpul kerajaan negeri dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadual 2.14
Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	2003	2004*a*	Bajet 2005
	RM juta		
Hasil	8,541	10,085	10,183
Sumber negeri	*7,217*	*8,277*	*7,448*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*1,324*	*1,808*	*2,735*
Perbelanjaan mengurus	5,307	6,796	6,787
Lebihan semasa	**3,234**	**3,289**	**3,396**
% daripada KDNK	**0.8**	**0.7**	**0.7**
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,817	4,739	4,852
Perbelanjaan pembangunan kasar	*4,362*	*4,856*	*4,969*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*545*	*117*	*117*
Imbangan keseluruhan	**-583**	**-1,451**	**-1,456**
% daripada KDNK	**-0.1**	**-0.3**	**-0.3**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Pinjaman bersih Persekutuan	1,033	440	385
Harta boleh jual[1]	-450	+1,011	+1,071
Jumlah	**583**	**1,451**	**1,456**

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Anggaran
Nota: Jumlah tidak semestinya tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kerajaan negeri

Pada tahun 2004, hasil yang lebih tinggi telah diperoleh daripada sumber-sumber kerajaan negeri dan Persekutuan. Hasil daripada sumber kerajaan negeri diperkukuh terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada petroluem dan gas, serta pulangan pelaburan yang lebih baik. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, perolehan daripada sumber Kerajaan Persekutuan disalur untuk membantu kerajaan negeri menyediakan infrastruktur dan kemudahan penting bagi mempertingkatkan kualiti hidup rakyat.

Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan kerajaan negeri mencerminkan usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan awam. Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh emolumen dan pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang meningkat. Sebahagian besar peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan disalur untuk pertanian dan pembangunan luar bandar, pengembangan dan peningkatan utiliti awam dan pembangunan perumahan.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK)

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan yang disatukan bagi 34 buah PABK terus mencatat lebihan keseluruhan. Hasil PABK yang disatukan meningkat sebanyak 4.2% kepada RM162.3 bilion, berikutan perolehan yang lebih tinggi daripada sektor yang berkaitan dengan minyak dan gas, telekomunikasi dan utiliti, sektor perkilangan dan perkhidmatan. Prestasi hasil yang lebih baik disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang lebih tinggi dan kenaikan harga minyak mentah dan gas. Di samping itu, keuntungan luar biasa daripada penjualan aset turut menyumbang kepada peningkatan dalam hasil.

Jadual 2.15
Kewangan PABK yang Disatukan[1]

	2002	2003	2004*a*
	RM juta		
Hasil	126,562	155,867	162,337
Perbelanjaan semasa	80,951	99,429	109,980
Imbangan semasa	**45,611**	**56,438**	**52,358**
% daripada KDNK	**12.6**	**14.3**	**11.7**
Perbelanjaan pembangunan[2]	32,297	40,160	34,135
Imbangan keseluruhan	**13,314**	**16,278**	**18,223**
% daripada KDNK	**3.7**	**4.1**	**4.1**

[1] Merujuk kepada 34 PABK pada tahun 2003 dan 2004; 36 PABK pada tahun 2002.
[2] Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.
a Anggaran

Nota: Jumlah tidak semestikan tepat disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Namun begitu, akaun semasa mencatat lebihan yang kecil sedikit, iaitu sebanyak 11.7% daripada KDNK. Ini disebabkan oleh perbelanjaan semasa yang lebih tinggi berikutan pengembangan perniagaan dan harga bahan mentah dan input yang meningkat, terutamanya minyak mentah.

Perbelanjaan pembangunan dikekalkan pada tahap yang tinggi. Perbelanjaan modal disalurkan untuk pengembangan kapasiti di dalam dan luar negeri. Sebahagian besar projek pembangunan telah dilaksanakan oleh PABK yang lebih besar seperti Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB). Pada tahun 2004, PETRONAS meneruskan pelaburan di dalam dan di luar negeri untuk aktiviti-aktiviti huluan dan hiliran. Pembelian ekuiti saham dalam projek gas asli cecair (LNG) di Mesir dan Dragon Terminal di Milford Haven, United Kingdom merupakan langkah penting dan bermakna bagi PETRONAS untuk menembusi pasaran LNG di Kawasan Atlantik. Tahun 2004 juga menyaksikan ikatan rasmi Pars LNG, satu usaha sama PETRONAS dengan National Iranian Oil Company dan TOTAL S.A. Dalam usaha sama tersebut, PETRONAS memegang ekuiti sebanyak 20%. Usaha sama ini membolehkan PETRONAS memperkukuh kedudukannya sebagai pembekal di Timur Tengah. Projek-projek lain yang dilaksanakan termasuk penerusan pembinaan kapal tangki gas asli cecair dan petroleum, dan pembinaan bangunan dan kuarters kakitangan kerajaan yang selebihnya, serta pembinaan bangunan komersial dan kerja-kerja infrastruktur. Sementara itu, projek-projek antarabangsa yang dilaksanakan oleh PETRONAS merangkumi projek cari gali dan pengeluaran minyak di Mesir, Vietnam, Sudan, Iran dan Indonesia.

Bahagian yang besar daripada perbelanjaan modal TNB ditumpukan pada pembangunan dan peningkatan keupayaan penjanaan, penghantaran dan pengedaran bekalan elektrik. Ini diperlukan bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan berterusan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat daripada pengguna dalam sektor komersial dan perindustrian serta pengguna di rumah kediaman. Projek-projek yang dilaksanakan termasuk Pembaikan Semula Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar Fasa I dan II di Port Dickson, Stesen Janakuasa Yan, Projek Sistem Kitar Padu Gelugor dan Sistem Pemantauan Kualiti Tenaga. TMB terus meningkatkan dan mengembangkan infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatannya, termasuk rangkaian kabel dasar laut yang menghubungkan rantau Asia Pasifik, sewaan talian bagi protokol Internet dan *Virtual Private Network* untuk Kerajaan.